

KSN mahu kakitangan awam cepat bertindak

Sistem penyampaian berkesan, kerja berpasukan penting: Sidek

Oleh Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan menggesa kakitangan awam mengubah segera cara bekerja dengan melaksanakan tugas dalam tempoh singkat bagi memastikan sistem penyampaian dilaksanakan secara efektif.

Kakitangan awam peringkat pengubal dasar juga harus bekerja secara berpasukan dengan pelaksana bagi meningkatkan keberkesanan tugas, sekali gus memastikan sistem penyampaian yang ditekankan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi diperkukuhkan.

"Saya sendiri berulang kali mengingatkan kakitangan awam supaya meningkatkan sistem penyampaian kerana ia penting untuk membolehkan sesuatu dasar dilaksanakan secara berkesan.

"Saya percaya manusia kalau sentiasa digilap dan terus digilap akan maju. Insyallah, kalau terus diingatkan dan diasuh, sektor awam akan terus maju. Cuma kakitangan awam jumlahnya ramai, mungkin memerlukan masa sedikit," katanya kepada *Berita Harian* ketika dihubungi semalam.

Beliau melihat sistem penyampaian sektor awam berada pada tahap baik tetapi boleh ditingkatkan melalui penekanan berterusan.

Sehubungan itu, katanya, jika seseorang kakitangan awam rasakan dirinya mampu melaksanakan tugas dengan baik, ia harus bekerjasama dengan pihak lain kerana tiada kejayaan mampu dicapai tanpa semangat berpasukan.

Beliau diminta mengulas pendapat beberapa pembentang kertas kerja pada seminar kebangsaan Abdullah Ahmad Badawi Tiga Tahun di Putrajaya: Menjejaki Pencapaian dan Strategi Masa Depan Negara, di sini kelmarin yang antara lain menekankan supaya sistem penyampaian ditingkatkan.

Sementara itu, Cuepacs mempertahankan kemampuan kakitangan awam meningkatkan pelaksanaan dasar kerajaan, manakala Kongres

“ *Saya percaya manusia kalau sentiasa digilap dan terus digilap akan maju. Insyallah, sektor awam akan terus maju”*

Sidek Hassan
Ketua Setiausaha Negara

Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) bersetuju dengan saranan Sidek.

Presiden Cuepacs, Omar Osman menegaskan sistem penyampaian sektor awam bukan seburuk yang disangkakan kerana dalam banyak perkara, kakitangan awam berjaya membuktikan segala rancangan pada peringkat dasar mampu dilaksanakan dalam tempoh singkat.

"Contohnya, dulu pembayaran untuk kontraktor mengambil empat atau lima bulan tetapi sekarang dua minggu sudah siap.

"Sudah tentu 800,000 kakitangan awam, terutama pada peringkat sokongan tidak boleh memandaimandai membuat kerja jika tidak diarah. Yang penting, arahan. Kalau pembuat dasar lambat memberi arahan, lambatlah kakitangan peringkat bawah bergerak," katanya.

Sehubungan itu, katanya, peringkat pembuat dasar bukan setakat perlu memahami dasar berkenaan, malah menyampaikannya secara mudah kepada kakitangan peringkat pelaksana dengan meletakkan sasaran bagi memastikan tugas dilaksanakan secara tepat dan cepat.

Presiden MTUC, Syed Shahir Syed Mohamud, pula berkata tidak banyak idea yang dilahirkan Perdana Menteri berjaya diaplikasikan sektor awam hingga ke peringkat akar um-

bi, menyebabkan masih banyak aspek yang disangsikan oleh masyarakat.

"Contohnya, MTUC ada menghantar memorandum kepada beberapa kementerian tertentu supaya meneliti kesan kenaikan harga minyak terhadap kos sara hidup pekerja sektor swasta.

"Oleh sebab sistem penyampaian belum sempurna, memorandum kami tidak mendapat perhatian. Hal seperti inilah menyebabkan masyarakat belum yakin dengan sistem penyampaian sektor awam," katanya.

Naib Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Muhammad Muhiyuddin Abdullah, berkata sejak Abdullah memberikan penekanan terhadap sistem penyampaian, pihaknya mendapati banyak bidang mencapai kemajuan walaupun tidak sepenuhnya.

"Sebelum ini, pembayaran agak lambat. Bagaimanapun, sekarang ia agak cepat. Saya yakin, jika 'akaun muktamad' setiap agensi Kerajaan dapat ditingkatkan, pembayaran akan lebih cepat," katanya.

Bagaimanapun, katanya, tidak adil untuk menyalahkan kakitangan awam saja kerana usahawan swasta juga harus membantu meningkatkan sistem penyampaian dengan memastikan dokumen diperlukan sesebuah jabatan untuk memulakan projek kerajaan disediakan dengan tepat.